



Headline: Takut ditahan, sanggup rugi RM22,000  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 25 June 2020

Language: Malay  
Section: Negeri  
Page: 19

## Takut ditahan, sanggup rugi RM22,000

**KUANTAN** - Seorang wanita terkejut apabila mendapati wang simpanannya sebanyak RM22,000 lesap selepas menyerahkan nombor pin perbankan internet miliknya kepada individu yang tidak dikenali lapan hari lalu.

Mangsa yang berusia 29 tahun itu mengaku terlalu takut akan ditangkap kerana dimaklumkan bakal didakwa kerana terlibat jenayah dadah dan pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, pada 17 Jun lalu, mangsa menerima panggilan yang mendakwa daripada syarikat penghantaran memaklumkan kad penge- luaran wang automatik (ATM) dan kad pengenalannya sudah dihantar ke Sabah tetapi masih belum dituntut.

Menurutnya, mangsa pada mulanya menafikan perkara itu tetapi disambungkan kepada pegawai polis yang dikenali Sarjan Roslan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah.

“Mangsa diberitahu telah terlibat dengan pengubahan wang haram dan dadah, selain wang dalam perbankan juga perlu dipindahkan.

“Mangsa turut diingatkan tidak memberitahu sesiapa selepas menyerahkan nombor pin perbankan miliknya,” katanya.

Mohd Wazir berkata, mangsa kemudian membuat semakan dan mendapati wang dalam simpanan lesap dan terus membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.